

# Rogol berlaku bukan kerana pakaian

Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender atau (JAG) tertarik dengan khutbah Jumaat oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) baru-baru ini bertajuk “Aurat: Antara Kebebasan dan Maruah Diri”. Antara perkara yang ditekankan adalah *wanita hendaklah menutup aurat supaya terhindar daripada gangguan seksual dan penganiayaan oleh lelaki yang tidak bermaruah dan bermoral.*

JAG telah berkhidmat selama lebih 25 tahun untuk mencegah segala bentuk keganasan terhadap wanita, termasuk keganasan seksual. JAG telah membantu secara langsung wanita yang mengharungi keganasan, ataupun bertindak secara tidak langsung melalui proses pembaharuan undang-undang bagi melindungi wanita amnya. Realiti yang kami saksikan; tiada seorang pun wanita atau kanak-kanak yang benar-benar selamat dari kemungkinan dirogol atau didera secara seksual. Ratusan mereka yang telah kami bantu adalah wanita dan kanak-kanak dari pelbagai usia, agama, latarbelakang etnik dan sosiekonomi, warganegara, juga yang kurang upaya.

Pengalaman kesemua mangsa-mangsa ini serta pelbagai kajian mendalam tentang perbuatan rogol menjurus ke arah suatu kesimpulan: perogol bertindak atas kesempatan. Apabila tiada orang lain di tempat kejadian atau tiada yang boleh menghalang, inilah peluang perogol mencari mangsa. Mangsa yang menjadi sasaran biasanya tidak berdaya untuk menegah atau melawan balik, wujud kekangan untuk melaporkan kejadian, ataupun perogol tahu mangsa tidak akan dipercayai jika laporan dibuat sekalipun.

Bagi kami yang biasa bekerja membantu mangsa keganasan seksual, sememangnya sedia maklum bahawa pakaian sesopan manapun tidak dapat mencegah pemangsa yang tekad ingin merogol. Di segenap pelusuk dunia termasuk di Malaysia, ramai contoh wanita atau gadis, malah lelaki sekalipun yang didera secara seksual tanpa mengira pakaian apa yang mereka pakai. In adalah kerana punca rogol atau serangan seksual bukan hanya berpaksi pada kehendak seks, sebaliknya lebih berpunca kepada pemangsa yang berusaha mengambil kesempatan atas ‘kuasa’ yang ada dan memasang niat untuk mengawal dan menghina mangsa melalui perbuatan seksual tersebut. Pemangsa dengan sengaja memilih menunjukkan ‘kuasa’ yang ada ke atas mangsa yang sedia diketahui tiada daya untuk melawan. Rupa atau pakaian mangsa bukan faktor utama perogol memilih untuk merogol.

Apabila berpakaian sopan dikatakan boleh menangkis serangan seksual, pertama sekali wanita boleh tersalah sangka bahawa mereka “kebal” dari dirogol asalkan telah menutup tubuh. Salah faham sebegini berbahaya kerana untuk melindungi diri sendiri bukanlah perkara mudah, wanita perlukan maklumat yang boleh dipercayai dan telah diuji berkesan untuk benar-benar selamat dari diganggu.

Kedua, apabila tumpuan diletakkan hanya pada pakaian mangsa, kesannya hanya mangsa yang dipersalahkan atas apa yang penjenayah lakukan terhadap diri mereka. Seterusnya mangsa tersekat dari mendapat bantuan dan sokongan yang diperlukan kerana rasa takut tidak dipercayai dan dituduh menjadi punca rogol. Ketiga, penjenayah yang sepatutnya dipersalahkan kerana sengaja memilih untuk merogol, terlepas begitu sahaja dari dipertanggungjawabkan atas kelakuannya sendiri. Sebaliknya mangsa yang perlu sekali lagi menanggung derita akibat kejadian. Pernyataan Yang Berhormat Chong Eng atas isu ini sekadar mengimbas semula seruan JAG agar mangsa tidak terus dipersalahkan. Sebaliknya kita semua perlu terus mengkaji dan memahami penjelasan sebenar kenapa perbuatan rogol berlaku.

JAG amat mengalu-alukan segala usaha untuk membasmi keganasan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak. Namun pencetus sebenar perbuatan rogol perlu ditangani dari akar umbi lagi, kerana ia telah tumbuh merebak menjadi budaya keganasan seksual di negara kita. Untuk terus maju ke hadapan kita perlu hentikan budaya dimana lelaki digalakkan berlaku ganas terhadap wanita, di mana wanita dianggap sekadar objek hiasan dan bukan dihormati sebagai insan, apabila mangsa yang dipersalahkan dan perogol pula diberi pelbagai alasan.

Perjalanan untuk menghentikan keganasan seksual, bergerak seiring mambantu mangsa mendapatkan keadilan ini, sememangnya panjang dan berliku. Ayuh bersama kita mengorak langkah ke hadapan.

Dr Prema Devaraj, Perunding Program, Women's Centre for Change, Penang, bagi pihak Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG), iaitu:

*Women's Centre for Change, Penang (WCC); Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER); Perak Women for Women Society (PWW); Sabah Women Action Resource Group (SAWO); Women's Aid Organisation (WAO); Association of Women Lawyers (AWL); Sisters in Islam (SIS); All Women's Action Society (AWAM); dan Persatuan Sahabat Wanita Selangor (PSWS).*

12 Februari 2015